



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 9 DISEMBER 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	MENTERI TURUN PADANG 'CARI' TELUR, MINYAK, NASIONAL, SH -8 PENTERNAK SUKAR DAPATKAN 'BENIH AYAM', LOKAL, HM -6 'HARGA TELUR IMPORT MAHAL, PERLU CARI KAEDAH LAIN', BISNES, BH -27 IMPORT TELUR AYAM: PENTERNAK BIMBANG PERNIAGAAN TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -10 WASPADA TELUR AYAM KAMPUNG PALSU, DALAM NEGERI, UM -10 'KAMI CUBA PERTAHAN HARGA, KERAJAAN TOLONG SELESAIKAN', DALAM NEGERI, UM -10 TELUR AYAM GRED D, OMEGA DIJUAL LEBIH 50 SEN SEBIJI, NEGARA, KOSMO -7 HARGA LEBIH MAHAL JIKA IMPORT TELUR, NEGARA, KOSMO -7 PENIAGA DI P.PINANG TUNGGU HARGA TELUR TURUN, NEGARA, KOSMO -7 PASTIKAN BEKALAN MAKANAN CUKUP, DALAM NEGERI, UM -2 MINISTRY URGED TO PROBE 'EGG CARTEL' INVOLVEMENT IN MANIPULATING MARKET, NATION, NST -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFI)
12. 13.	BURUH PUKUL ANJING DIDENDA RM23,000, LOKAL, HM -16 PUKUL ANJING HINGGA CEDERA, BURUH DIDENDA RM23,000, KL, SH -25	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
14. 15.	JABATAN PERIKANAN KAWAL ANCAMAN IKAN PEMANGSA, NEGERI PERAK, SH -26 PATI MAKAN GAJI RM2,000 SEBULAN JADI NELAYAN, NEGARA, KOSMO -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
16. 17. 18.	JOHOR RANCANG BUKA LADANG KELAPA 1,325 HEKTAR, NASIONAL, BH -22 JOHOR PENGELUAR UTAMA KELAPA, NEGARA, KOSMO -14 BANTU TURUNKAN HARGA BERAS, NASIONAL, SH -10	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

Menteri turun padang 'cari' telur, minyak

PUTRAJAYA - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub mengakui bekalan telur dan minyak masak bersubsidi berkurangan di pasaran.

la hasil daripada lawatan mengejut yang dilakukan beliau di beberapa kedai runcit dan pasar awam di sekitar Putrajaya pada pagi Khamis.

Menerusi hantaran di media sosialnya, Salahuddin berkata, satu mesyuarat bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan diadakan pada Jumaat.

"Pagi tadi (Khamis) dalam perjalanan ke pejabat, saya tergerak hati untuk singgah di kedai runcit dan pasar awam di Putrajaya.

"Dapatan saya jelas menunjukkan terdapat kekurangan bekalan telur gred A, B dan C serta minyak masak bersubsidi kemasan polibeg 1 kilogram di



Salahuddin (kiri) melakukan lawatan mengejut di kedai runcit dan pasar awam sekitar Putrajaya untuk melihat sendiri bekalan telur dan minyak masak subsidi di pasaran.

pasaran runcit," katanya.

Isu kekurangan bekalan telur dan minyak masak polibeg terus berlanjutan hampir setahun meskipun pelbagai tindakan telah diambil kerajaan sebelum ini.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan

mengumumkan harga baharu telur bagi mengurangkan ketergantungan bekalan telur kepada kartel.

Bagaimanapun, Menteri, Mohamad Sabu dalam kenyataannya pada keesokan harinya tidak memaklumkan harga baharu telur sebaliknya memberitahu, bahan makanan itu akan diimport.

9/12/2022

HARIAN

LOKAL

6

METRO

PENULARAN penyakit berkaitan ayam di beberapa negara pengimport mengancam bekalan telur ayam.

GANGGUAN BEKALAN TELUR AYAM

Penternak sukar dapatkan 'benih ayam'

Jelesni: Penularan penyakit berkaitan ayam yang berlaku di Eropah dan beberapa negara pengimport dikenali pasti antara punca menjajaskan bekalan telur ayam di negara ini kerana ia menyebarkan penternak mendapatkan 'benih ayam'.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan Datuk Bakri Sawir berkata, itu penjelasan diberi penternak ayam di negeri ini ketika perjumpaan yang diadakan seminggu sebelum Pilihan

Raya Umum Ke-15 (PRU-15) lalu.

"Penternak menghadapi kesukaran mendapatkan 'benih ayam' berkaitan penyakit berkaitan ayam yang berlaku di beberapa negara pengimport.

"Selain itu, faktor Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bukan sahaja di negara kita, sebaliknya seluruh dunia yang mengenakan sekatan pergerakan menyebabkan berlaku gangguan pembekalan ayam telur," katanya ketika ditemui di sini,

semalam.

Mengulas lanjut, Bakri berkata, ada sembilan penternak ayam di negeri ini yang mampu mengeluarkan bekalan telur melebihi 200 peratus namun mereka terikat dengan kontrak perladangan yang perlu mengeksport bekalan ke luar negeri ini.

"Kita akan tengok dengan lebih mendalam mengenai kontrak perladangan yang dibuat penternak ayam terabit sama ada ia satu masalah atau tidak berkaitan

bekalan telur," katanya sambil menegaskan bekalan telur ayam di negeri ini sepatutnya tidak bermasalah.

Beliau berkata, meskipun jumlah penternak ayam di negeri ini sudah mencukupi, pihaknya sedia meneliti jika ada permohonan daripada pihak lain untuk membuka ladang ayam baharu.

Katanya, banyak faktor perlu diambil kira termasuk berkaitan alam sekitar sebelum kelulusan membuka ladang ternakan baharu dibenarkan.



'Harga telur import mahal, perlu cari kaedah lain'

Dapatkan bekalan luar bukan jalan penyelesaian jangka panjang, berdaya maju

Oleh **Mahanum Abdul Aziz**
mahanum_aziz@bh.com.my

Langkah mengimport telur ayam bukan penyelesaian jangka panjang yang berdaya maju memandangkan telur ayam yang diimport secara umumnya lebih mahal berbanding harga siling, demikian kata TA Securities.

Penganalisisnya, Ong Tze Hern, berkata mengikut peserta industri, satu-satunya sumber

asing bagi import telur yang lebih murah berbanding harga siling adalah dari Russia.

Bagaimanapun, beliau berkata, Malaysia tidak mungkin mengimport dari Russia kerana faktor ketegangan geopolitik yang semakin meningkat di peringkat global.

Katanya, berdasarkan semakan salurannya mendapati bekalan telur ayam, terutama telur gred A, gred B dan gred C harga walaupun masih tidak mencukupi walaupun bekalan meningkat sebanyak lima hingga 10 peratus dalam beberapa minggu lalu.

Difahamkan harga telur paling rendah adalah di Malaysia, yang mana sedozen telur Gred C berharga RM4.92, jauh lebih rendah berbanding Thailand (RM7.42), Singapura (RM12.24), Indonesia (RM6.55), Brunei (RM10.15) dan Vietnam (RM5.78).

Jelasnya, kebanyakan peruncit

masih menghadapi kekurangan telur harga kawalan bertukaran peningkatan permintaan lebih tinggi.

"Tambah pula, ketirisan dalam bentuk penyeludupan ke Thailand, yang mana telur dijual 20 peratus lebih tinggi berbanding harga siling di Malaysia menjadi, kan keadaan bertambah teruk," katanya dalam nota penyelidikan.

Saha tampung keperluan

Dalam usaha menampung keperluan pasaran tempatan pada harga yang lebih rendah, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan mengimport bekalan telur daripada beberapa negara sumber yang sudah dikenal pasti dengan segera.

Menterinya, Mohamad Sabu, berkata itu antara langkah jangka pendek yang diambil kementerian-

annya, selain akan memastikan telur ayam yang diterima itu selamat daripada penyakit dan mempunyai piawaian ditetapkan.

Mengulas lanjut, Ong berkata, melainkan tiada harga siling dikenakan ke atas telur import, kerajaan mungkin perlu memberi subsidi di perbezaan harga antara kos dan harga siling.

Namun begitu, katanya, langkah itu bercanggah dengan matlamat kementerian dalam mencapai jaminan makanan negara.

Katanya, nisbah sara diri telur ayam/itik terkini ialah 114.4 peratus.

Mengulas lanjut, Ong berkata, pada masa ini, sebahagian besar telur harga kawalan dijual kepada restoran dan kedai roti serta memungkin tidak kepada mereka yang bernilai tidak paling memerlukan.

Beliau berkata, daripada me-



Ketirisan dalam bentuk penyeludupan ke Thailand, yang mana telur dijual 20 peratus lebih tinggi berbanding harga siling di Malaysia jadikan keadaan bertambah teruk



Ong Tze Hern,
Penganalisis
TA Securities

nyalurkan subsidi kepada penguatkuasaan, pihaknya berpendapat bahawa kerajaan harus menaikkan harga siling telur dan memberi sokongan secara langsung kepada isi rumah berpendapatan rendah.

"Andaikan harga telur meningkat 10 sen, ini bermakna peningkatan kira-kira RM12 dalam kos bulanan (jaitu dilindungi oleh bantuan kewangan langsung kerajaan) untuk isi rumah empat orang yang memakan sebiji telur setiap hari.

"Sudah pasti, kementerian perlu memantau dan mengenakan penalti untuk sebarang kenaikan harga berlebihan dan pencatutan oleh perniagaan," katanya.

Import telur ayam: Penternak bimbang perniagaan terjejas

Oleh AHMAD
FADHULLAH ADNAN
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan diminta menetapkan kuantiti bekalan telur ayam yang mahu diimport supaya tidak menjejaskan penternak tempatan.

Seorang penternak yang enggan dikenali berkata, mereka kini berada dalam dilema memikirkan nasib mereka berikutan langkah yang diambil Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan itu.

Katanya, golongan penternak bagaimanapun masih dalam mood tunggu dan lihat bagi memberi ruang dan peluang kepada kerajaan baharu untuk melihat sama ada tindakan yang dilaksanakan itu membantu atau sebaliknya.

"Kita pun tak tahu nak cakap apa, kalau telur kita mahal dan negara lain lebih murah, maka tidak ada masalah.

"Tetapi, masalahnya adalah telur kita sudah murah, jadi dari mana mahu import telur itu dan dalam masa sama perlu ada jaminan supaya telur sihat dan bersih. Kalau import telur sebab murah, tetapi ada isu, maka siapa yang mahu tanggung?

"Kita harap kerajaan boleh jelaskan sebab kita sendiri tidak tahu berapa bilangan telur ayam (daripada sumber luar) yang akan masuk. Kalau yang masuk itu semua telur untuk kegunaan (masyarakat) kita, maka 100 peratus penternak akan terjejas,



KETUA Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Terengganu Nor Azmi Lamisza (kanan) meninjau harga telur ayam ketika melakukan Pemeriksaan Fasa II Ops ATM (Ayam, Telur dan Minyak Masak) di sebuah pasar raya baru-baru ini. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

tetapi jika masuk 1 juta (telur), maka itu tidaklah terlampau banyak (menjejaskan) penternak," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Mengulas lanjut, penternak itu berkata, kerajaan baharu diharapkan dapat lebih memahami apa masalah sebenar yang berlaku dalam industri itu sebelum membuat sebarang keputusan.

Menurutnya, ini kerana kekurangan bekalan telur berlaku didakwa disebabkan polisi kerajaan sebelum ini yang menekan penternak sehingga menyukarkan mereka bertahan.

"Dalam dua tahun ini, sudah lebih 20 ladang pengeluar tutup disebabkan harga telur ayam diminta kekal rendah sewaktu

kerajaan lama, namun subsidi tidak cukup, jadi ladang-ladang tidak boleh tanggung kerugian, maka terpaksa gulung tikar," katanya.

Selasa lepas, media melaporkan, kerajaan bersetuju mengimport bekalan telur ayam dari beberapa sumber luar sebagai pelan jangka pendek untuk menampung keperluan bekalan dalam negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, kementerian sudah mengenal pasti beberapa sumber dari luar untuk menampung keperluan bekalan dalam negara dengan kadar segera bagi memastikan keselamatan telur ayam di pasaran.

Waspada telur ayam kampung palsu

SERDANG: Pengguna diminta berwaspada dengan taktik pengeluar telur ayam tidak bertanggungjawab yang melabelkan telur ayam biasa sebagai telur ayam kampung dan juga telur ayam premium.

Mereka ini didapati mengaut keuntungan 'atas angin' dengan menukar label pada bungkus telur ayam biasa sebagai telur ayam kampung dan premium untuk mengelirukan pembeli.

Aktivis dan pakar industri ternakan ayam, Prof Madya Dr. Azhar Kasim mendakwa, kegiatan itu dikesan berlaku secara berleluasa termasuk dijual di pasar-pasar raya.

Katanya, penukaran jenis telur ayam biasa kepada telur ayam kampung dan premium itu adalah semata-mata untuk mendapatkan harga jualan yang lebih tinggi berbanding telur ayam biasa.

"Tidak ada 'standard' rasmi Malaysia bagi telur ayam kampung dan premium. Letakkan apa-apa jenama, maka secara automatik terlepas daripada kawalan harga siling.

"Telur gred A yang sepatutnya dijual dengan harga tidak melebihi 45 sen sebiji, dijual dengan harga 70 sen sebiji hanya dengan meletakkan perkataan *healthy eggs*," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* kelmarin.

Azhar turut menasihatkan orang ramai supaya memastikan kandungan Omega 3 melebihi 100 miligram jika telur itu dikategorikan sebagai telur omega.

Beliau yang juga bekas penyarah Sains Haiwan, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, terdapat juga peniaga yang melabelkan ayam daging berwarna

“**Tidak ada standard rasmi Malaysia bagi telur ayam kampung dan premium. Letakkan apa-apa jenama, maka secara automatik terlepas daripada kawalan harga siling.**”

AZHAR KASIM

(color broiler) sebagai ayam kampung asli di pasaran untuk mengelirukan pengguna.

Menurutnya, kegiatan itu demi mendapatkan keuntungan berikutan harga ayam kampung asli yang lebih tinggi berbanding harga ayam segar biasa, iaitu lebih kurang RM18 sekilogram bagi ayam kampung asli manakala, RM12 sekilogram bagi ayam daging warna.

"Ayam daging warna adalah seratus peratus import. Tidak boleh diiktiraf sebagai ayam kampung kerana di luar negara seperti Eropah, tidak ada ayam hutan dan tidak mempunyai darah ayam kampung.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh salahkan peniaga dan penternak sahaja kerana Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang melakukan penyelidikan sendiri, mengiktiraf ayam daging warna sebagai ayam kampung dan popular sebagai sebagai ayam kampung kacukan," katanya.

'Kami cuba pertahan harga, kerajaan tolong selesaikan'

ARAU: Meskipun berdepan krisis bekalan telur dan beberapa bahan asas lain namun kebanyakan peniaga masih mengambil pendekatan mengekalkan harga makanan dan dalam masa sama berharap kerajaan dapat segera menyelesaikan isu berbangkit itu.

Rata-rata mereka mengakui akan cuba mempertahankan harga di sebalik turut terkesan

dengan situasi yang berlaku ketika ini.

Seorang peniaga roti canai, Zaini Ensop, 42, berkata, dia masih mengekalkan harga makanan berasaskan telur itu walaupun berdepan kesukaran mendapatkan bekalan, selain harga yang meningkat sejak akhir-akhir ini.

Katanya, roti telur masih dikekalkan pada harga RM2.50

sekeping manakala roti biasa tetap dengan harga biasa RM1.20.

"Meskipun kita sedikit terkesan namun kita tidak sanggup melihat pelanggan turut terkesan jika harga makanan terus meningkat. Kita akan cuba bertahan dan berharap kerajaan dapat menyelesaikan masalah ini.

"Sebelum ini, kami berdepan masalah kekurangan bekalan

tepung gandum sekarang telur pula yang dilihat bukan lagi perkara baharu yang sering berulang," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, masalah ketiadaan bekalan telur ayam, ayam segar dan minyak masak pekiet terus membelenggu dan meresahkan rakyat hingga mencetuskan kebimbangan mereka berisiko

berdepan krisis makanan. Isu tersebut bukan baharu, sebaliknya sudah berlarutan hampir enam bulan dan hingga kini belum ada tanda-tanda penyelesaian. Seorang peniaga yang mahu dikenali sebagai Kak Mah, 53, berkata, dia juga mengambil pendekatan mengekalkan harga makanan kerana tidak sampai hati menyusahkan pelanggan-pelanggan.

Telur ayam gred D, omega dijual lebih 50 sen sebiji



TELUR ayam omega yang banyak di pasaran sekarang ini. - GAMBAR HIASAN

Oleh **ADNAN IBRAHIM**

KLUANG - Harga telur ayam semakin mahal apabila telur ayam gred D dijual pada harga 50 sebiji dan telur jenis omega pula 58 sen berbanding 40 sen sebelum ini.

Keadaan ini dipercayai berlaku kerana telur ayam gred D dan omega kurang mendapat sambutan orang ramai selain kekurangan bekalan untuk telur ayam gred A, B dan C.

Peniaga, Putra Ahmad, 35, berkata, pihaknya memang tidak akan mengambil bekalan telur ayam gred D kerana terlalu mahal selain saiz yang agak kecil.

Katanya, ketika ini kedainya hanya menjual telur ayam gred A dengan harga 45 sen sebiji laitu keuntungan 3 sen kerana beka-

lan diterima pada harga 42 sen sebiji.

"Bekalan yang dihantar pun hanya sekitar 150 biji (lima papan) sehari berbanding keperluan, bekalan sebanyak tidak kurang 1,200 biji sehari.

"Selain itu, harga yang dijual kepada peruncit seperti kami ini terlalu tinggi sedangkan peniaga terpaksa mengikut harga kawalan," katanya.

Kata Putra lagi, keputusan kerajaan mengumumkan akan mengimport bekalan telur dari negara jiran adalah sesuatu tindakan yang baik serta peruncit bersetuju dengan cadangan berkenaan.

Ujarnya, inisiatif itu dijangka akan menjamin bekalan bahan mentah itu di pasaran lebih-lebih

lagi menjelang musim-musim perayaan.

"Kami peniaga sambut baik dengan cadangan kerajaan import telur.

"Kalau boleh selesai isu telur dengan import baguslah, penat isu ini sudah berlarutan hampir dua bulan.

"Pengusaha atau pembekal telur ayam juga tak boleh sesuka hati nak 'menekan' rakyat dengan bermain harga, bekalan tetap tidak ada," katanya.

Dalam pada itu, tajaan Kosmo! semalam mendapati bekalan telur ayam di sebuah kedai telur ayam di Kluang dijual pada harga RM18.90 (gred AA), RM13.50 (gred A), RM12.90 (gred B), RM12.30 (gred C) dan gred D berharga RM12.30 setiap papan.

Pembekal, pemborong tidak setuju import telur

Harga lebih mahal jika import telur

Oleh **NOOR HASLIZA NUSI**

GEORGE TOWN - Pembekal dan pemborong telur ayam menolak pelan jangka pendek kerajaan mengimport barangan kawalan itu dari luar dan mahu agensi berkaitan mengkaji serta menyelesaikan masalah di peringkat peladang di negara ini terlebih dahulu.

Rata-rata mereka yang ditemui Kosmo! di sini semalam tidak bersetuju dengan solusi tersebut sekaligus menyifatkan keputusan itu sememangnya akan memberi implikasi besar kepada pembekal dan pengguna kelak.

Seorang pemborong telur ayam, Jenny, 45, berkata, Malaysia masih mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan dan membekalkan telur ayam dengan kuantiti yang banyak menerusi hasil kerjasama serta bantuan daripada pihak kerajaan.

Menurutnya, tindakan membawa masuk barangan asas itu dari luar sememangnya akan menjejaskan pendapatan dan bisnes peniaga tempatan kesan daripada pengimportan keperluan utama rakyat itu.

"Tidak mahu telur ayam dari luar. Kita tidak pasti sumber dan cara pengeluarannya serta piawaian yang ditetapkan di negara luar. Memang akan timbul keraguan daripada pelbagai pihak.

"Selain dijangka berlaku kenaikan harga telur ayam import,imbang juga akan jangka hayatnya selain telur rosak dan tidak akan tahan lama.

"Pengguna juga akan meragui



SEORANG pekerja kedai pemborong dan pembekal telur, sedang memeriksa telur yang akan dihantar ke Jalan Dato' Koyah George Town semalam.

"Bulan ini sahaja, kami terkesan sehingga 50 peratus," tambah Jenny.

Selasa lalu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengenal pasti beberapa sumber dari luar bagi menampung keperluan dengan segera seterusnya memastikan bekalan telur ayam di pasaran terjamin.

Menterinya, Mohamad Sabu berkata, tindakan itu merupakan pelan jangka pendek yang diambil oleh kementeriannya bagi merujuk kepada kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung keterjaminan bekalan telur ayam dalam negara pada Isnin lalu.



KEADAAN rak kosong menunjukkan ketiadaan bekalan telur ayam di sebuah kedai runcit dekat Telok Ayer Tawar, Seberang Perai.

Peniaga di P. Pinang tunggu harga telur turun

SEBERANG PERAI - Rata-rata peniaga di negeri ini terus menantikan pengumuman bagi penurunan harga telur ayam baharu yang kini dikatakan semakin tidak terkawal dan tinggi di pasaran.

Seorang peniaga kedai runcit, Zahir Hussein, 38, berkata, dia kini tidak mahu lagi mengambil telur ayam dari pembekal secara pukal bagi mengelak kerugian besar kerana masih ragu-ragu untuk meletakkan harga telur ayam jika ada pengumuman nanti.

"Sekarang nak ambil telur ayam pun teragak-agak. Kalau dulu pembekal akan hantar telur ayam gred A, B dan omega dalam lebih 50 papan untuk beberapa hari dalam seminggu, sekarang pembekal boleh hantar dalam 20 ke 25 papan sekali dalam seminggu sahaja.

"Dari segi harga pula, pembekal jual pada harga 49 sen sebiji. Jadi, saya terpaksa jual dalam 51 sen sebiji. Alasan pembekal ialah kos penghantaran dan lain-lain kos sehingga menyebabkan harga telur ayam

itu sendiri naik. Memang tiada pilihan.

"Harap kerajaan buat sesuatu dengan kadar segera bagi menanganai masalah ini kerana inilah dilema yang dialami peniaga kebelakangan ini," katanya kepada Kosmo! ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi peniaga nasi lemak, Kholljah Awang, 44, berkata, jika harga telur ayam turun, dia tidak lagi tertekan untuk menjual nasi lemak pada harga yang mahal.

"Pada kebiasaan, saya akan menjual nasi lemak menggunakan telur ayam Gred C dan D di mana saiznya yang jauh lebih kecil.

Bagi Nurul Ain Rosli, 37, pula berkata, dia bimbang akan berlakunya lambakan telur ayam di pasaran sekiranya masalah harga barangan keperluan itu berlarutan.

"Bila berlaku lambakan telur untuk tempoh masa yang lama pembekal akan cuba jual murah tapi tidak pasti telur itu masih elok atau tidak untuk dimakan," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Pastikan bekalan makanan cukup

RANGKAIAN Global Menentang Krisis Makanan (GNAFC) dalam Laporan Global tentang Krisis Makanan (GRFC) 2022 berkata, hampir 193 juta manusia tidak mempunyai jaminan bekalan makanan dan memerlukan bantuan segera iaitu meliputi 53 negara dan wilayah.

Jaminan bekalan makanan wujud apabila semua manusia pada setiap masa mempunyai akses fizikal dan ekonomi untuk makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan pemakanan serta keutamaan makanan untuk hidup yang aktif dan sihat.

Namun, menurut Bank Dunia sehingga 5 Mei lalu, Indeks Harga Pertanian dunia meningkat 41 peratus berbanding Januari 2021. Harga jagung dan gandum juga meningkat masing-masing 54 peratus dan 60 peratus dalam tempoh sama.

Negara kita juga sedang berhadapan masalah ketiadaan bekalan telur ayam, ayam segar dan minyak masak peket. Hal ini terus membelenggu dan meresahkan rakyat hingga mencetuskan kebimbangan mereka berisiko berdepan krisis makanan jika ia tidak ditangani segera.

Hakikatnya, kekurangan makanan juga boleh menimbulkan keadaan huru-hara dalam negara.

Ini antara cabaran yang mesti ditangani oleh Kerajaan Perpaduan di bawah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Bagi rakyat, tidak ada gunanya setakat nama Malaysia gah di persada dunia jika rakyat tidak cukup makan dan inflasi melambung tinggi.

Malaysia perlu mencontohi Thailand dalam aspek pertanian. Thailand misalnya adalah antara pengeksport terbesar beras dan 40 peratus daripada keseluruhan rakyatnya terlibat dengan bidang pertanian berbanding hanya 16 peratus rakyat Malaysia terlibat dalam sektor itu.

Negara Mesir juga adalah antara yang boleh kita contohi di mana masyarakatnya mengamalkan sektor pertanian dalam skala besar. Walaupun lebih 1 juta kilometer persegi wilayah Mesir adalah gurun dan kawasan yang boleh didiami manusia kurang 40,000 kilometer persegi, ia menjadi pengeluar utama gula, sayur-sayuran, buah-buahan dan minyak zaitun.

Persepsi terhadap bidang pertanian perlu diperbetulkan. Seharusnya ia menjadi bidang yang dibanggakan untuk diceburi. Demikianlah di Australia. Golongan petaninya bangga kerana merekalah yang menjamin cukupnya bekalan makanan untuk kegunaan domestik malah turut dieksport.

Sebenarnya, Malaysia tidak kurang pakar dalam bidang pertanian. Kita ada universiti khusus iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Apa yang perlu dilakukan adalah mengemblem tenaga pakar untuk memajukan lagi sektor pertanian. Matlamatnya, meningkatkan tahap sara diri dan mengurangkan import makanan. Jangan 'matikan' kajian pakar-pakar di universiti sahaja sebaliknya ia perlu dikomersialkan.

Agensi seperti FAMA, Felra Berhad dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) pula boleh memainkan peranan membantu dalam industri penternakan dan pertanian.

Selain itu, kerajaan juga perlu menghapuskan penguasaan ekonomi oleh kartel yang menjadikan mereka sangat berkuasa dalam mengatur permintaan dan penawaran khususnya harga ayam.

Mohd. Radzi Mohd. Zin ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

SUPPLY SHORTAGE

Ministry urged to probe 'egg cartel' involvement in manipulating market

GEORGE TOWN: The Agriculture and Food Security Ministry has been urged to look into possible involvement of "cartels" in the shortage of egg supply in the market as well as increase in prices over the past six months.

The Consumers Association of Penang (CAP) president Mohideen Abdul Kader said the matter was perplexing since Malaysia produced enough chicken eggs, to the extent of exporting them.

"But why is there suddenly not enough chicken eggs in the mar-

ket now?

This needs to be probed.

"Is this planned by the cartels to increase the price of eggs? Are they slaughtering the egg-laying chickens, resulting in the reduction of supply?"

"The ministry, led by Mohamad Sabu, must set up a committee to investigate possible cartel involvement, which is manipulating the market," he said.

Mohideen was asked on the shortage of food in the market, including eggs and chicken in the last six months.

Mohideen said while it was right for the government to import eggs to meet the demand, it was only a short-term measure.

It was reported that Malaysia would temporarily import eggs as a stopgap measure to address the country's egg supply shortage until a long-term solution is found.

Mohamad had said that the short-term solution was vital to ensure the food security of Malaysians, and in the long run, the government would need to formulate a long-term food se-

curity policy.

He said Malaysia should look into producing its own food supplies and chicken feed to reduce costs and ensure self-sufficiency.

"As it is, we are importing food supplies such as meat, about 70 per cent, and chicken feed, from other countries.

"As such we should come up with policies for the country to produce our own food supplies by focusing more on agriculture and the food supply industries," he added.



Mohideen Abdul Kader

Buruh pukul anjing didenda RM23,000

Kuala Lumpur: Seorang buruh memukul anjing betina dengan kayu sehingga cedera didenda RM23,000 oleh Mahkamah Sesyen Ampang di sini, semalam.

Hakim Wan Mohd Norisham Wan Yaakob menjatuhkan hukuman itu ke atas Yong Kay Sang, 62, selepas dia mengaku bersalah memukul haiwan milik Yee Chan Fai, 35, di sebuah rumah di Taman Saga di sini, jam 9 pagi pada 24 Mei lalu.

Lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 29 (1) (a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29 (1) akta sama.

Sabit kesalahan boleh didenda minimum RM20,000 sehingga maksimum RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

Mahkamah memerintah-

kan Yong sebagai orang kena saman (OKS) menjalani hukuman penjara enam bulan jika gagal membayar denda berkenaan. Dia membayar denda itu.

Sebelum menjatuhkan hukuman, Wan Mohd Norisham berkata, OKS tidak sepatutnya bertindak memukul anjing itu menggunakan kayu sehingga cedera kerana binatang juga mempunyai perasaan.

Berdasarkan fakta kes, Yong diserang anjing semasa dekat keretanya sebelum melarikan diri apabila dikejar haiwan itu sehingga terjatuh dan luka di lutut kanan, siku kanan selain lebam di muka.

Dia kemudian mengejar anjing sehingga masuk ke

rumah Yee dan memukul haiwan terbabit menggunakan kayu menyebabkan ekornya berdarah.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor Mohd Sharif Sabran memohon mahkamah mengenakan

hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada OKS dan masyarakat manakala peguam Hajinder Singh mewakili

Yong memohon denda paling minimum kerana anak guamnya penanggung utama keluarga dan mempunyai penyakit darah tinggi serta diabetes.

"OKS bertindak sedemikian (memukul) kerana diserang anjing tersebut. OKS menyesal dengan tin-

dakan itu dan berjanji tidak mengulangnya lagi," katanya.

Sementara itu di mahkamah sama, Yee mengaku tidak bersalah atas pertuduhan gagal dalam kewajipannya untuk mengambil langkah-langkah munasabah memastikan keperluan haiwan dipenuhi hingga menyebabkan kecederaan, jam 8.30 pagi, pada tarikh dan lokasi sama.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 24 (1)(a)(v) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(3) akta sama, yang membawa hukuman denda minimum RM15,000 dan maksimum RM75,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan 19 Januari depan untuk sebutan semula kes.

“
OKS menyesal
dengan tindakan
itu dan
berjanji tidak
mengulangnya

Hajinder

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2022	SINAR HARIAN	KUALA LUMPUR	25

Pukul anjing hingga cedera, buruh didenda RM23,000

KUALA LUMPUR - Seorang buruh yang memukul seekor anjing betina dengan sebatang kayu sehingga cedera didenda RM23,000 oleh Mahkamah Sesyen Ampang di sini pada Khamis.

Hakim Wan Mohd Norisham Wan Yaakob menjatuhkan hukuman itu ke atas Yong Kay Sang, 62, selepas dia mengaku bersalah memukul haiwan milik Yee Chan Fai, 35, di sebuah rumah di Taman Saga di sini pada 9 pagi, 24 Mei lepas.

Lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 29 (1) (a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29 (1) akta sama, yang membawa hukuman denda minimum RM20,000 hingga maksimum RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

Mahkamah memerintahkan Kay Sang sebagai orang kena saman (OKS) menjalani hukuman penjara enam bulan jika gagal membayar denda tersebut. Dia membayar denda itu.

Sebelum menjatuhkan hukuman, Wan Mohd Norisham berkata, OKS tidak sepatutnya bertindak memukul anjing itu menggunakan kayu sehingga cedera kerana haiwan juga mempunyai perasaan.

Berdasarkan fakta kes, Kay Sang diserang anjing berkenaan semasa berada berdekatan keretanya sebelum bertindak melarikan diri apabila dikejar haiwan itu sehingga terjatuh dan mengalami luka di lutut kanan, siku kanan selain lebam di muka.

Dia kemudian mengejar anjing itu se-

hingga masuk ke rumah Chan Fai dan memukul haiwan tersebut menggunakan sebatang kayu menyebabkan bahagian ekornya berdarah.

Sebelum itu, Pegawai Pendakwa daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, Mohd Sharif Sabran memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada OKS dan masyarakat manakala peguam Hajinder Singh mewakili Kay Sang memohon denda paling minimum kerana anak guamnya penanggung utama keluarga dan menghidap hipertensi serta diabetes.

"OKS bertindak sedemikian (memukul) kerana diserang anjing tersebut. OKS menyesal dengan tindakan itu dan berjanji tidak akan mengulangnya lagi," kata peguam.

Sementara itu, di mahkamah sama, Chan Fai mengaku tidak bersalah atas pertuduhan gagal dalam kewajibannya untuk mengambil langkah-langkah munasabah memastikan keperluan haiwan dipenuhi hingga menyebabkan kecederaan pada jam 8.30 pagi pada tarikh dan lokasi sama.

Pertuduhan mengikut Seksyen 24 (1) (a)(v) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(3) akta sama, yang membawa hukuman denda minimum RM15,000 dan maksimum RM75,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan 19 Januari untuk sebutan semula kes. - *Bernama*

PATI makan gaji RM2,000 sebulan jadi nelayan



SEORANG tekong warga tempatan termasuk tiga PATI ditahan di perairan Tanjung Karang, Kuala Selangor kelmarin.

KUALA SELANGOR - Kegiatan penangkapan ikan dengan menggaji pendatang asing tanpa izin (PATI) sejak enam bulan lalu terbongkar dengan penahanan sebuah bot nelayan di kedudukan 2.4 batu nautika dari Sungai Burong, Tanjung Karang, di sini kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 10.30 pagi, tiga lelaki warga Myanmar yang dipercayai dibayar gaji bulanan RM2,000 ditahan bersama tekong warga tempatan.

Kesemua yang berusia antara 25 hingga 35 tahun ditahan menerusi rondaan rutin Op Ehsan dan Op Beniteng Laut.

Pengarah Maritim Selangor, Kepten Maritim V. Siva Kumar berkata, bot nelayan kelas B1 itu juga didapati melanggar syarat sah lesen apabila menangkap hasil laut kurang daripada lima batu nautika.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati, bot itu dikendalikan oleh empat kru termasuk tekong warga Malaysia.

"Pemeriksaan dokumen mendapati, kesemua kru warga asing gagal mengemukakan pengenalan diri yang sah.

"Siasatan turut mendapati PATI itu telah digaji antara tiga hingga enam bulan lalu dengan

gaji RM2,000 sebulan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Jelas beliau, pihaknya turut merampas 100 kilogram hasil ikan campuran yang ditangkap mereka sepanjang berada di laut.

Difahamkan, itu merupakan kesalahan pertama dilakukan oleh bot nelayan tersebut dan bot bersama suspek dibawa ke Jeti Polis Marin Pulau Indah untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia (APMM) untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigrasi 1969/63," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2022	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK	26

Jabatan Perikanan kawal ancaman ikan pemangsa

TELUK INTAN - Kerajaan negeri Perak memandang serius ancaman ikan asing yang mengganggu habitat spesies ikan asli di perairan umum seperti sungai dan tasik di negeri ini.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata, usaha bagi menyekat dan mengurangkan kehadiran ikan-ikan seperti baung ekor merah, keli afrika dan sebagainya telah dilakukan Jabatan Perikanan serta agensi-agensi lain.

Menurutnya, kawalan tersebut amat penting dalam memastikan pendapatan nelayan darat di negeri ini tidak terjejas.

"Jadi, langkah-langkah ini telah pun diambil Jabatan Perikanan dan lain-lain jabatan serta agensi bagi menyekat, mengurangkan ataupun mengambil tindakan yang bersesuaian dengan akta, undang-undang dan sebagainya supaya pembuangan ataupun pelepasan ikan-ikan ini dapat dikawal dan disekat.

"Tindakan ini penting bagi menjamin ikan-ikan asli yang ada di perairan umum di Perak ini terjamin sekali-gus akan memberikan pendapatan konsisten kepada nelayan darat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Perasmian Jeti Nelayan Darat Sungai Kerawai, Teluk Intan dan penyampaian sijil *The Malaysia Book of Records* sempena kejayaan program pelepasan benih ikan dan udang di perairan umum negeri Perak di sini pada Khamis.

Hadir sama pada majlis itu, Pengarah Perikanan Negeri Perak, Noraishah Hashim.



Mohd Zolkafly (lima dari kiri) menyempurnakan pelepasan ikan di Jeti Nelayan Darat Sungai Kerawai pada Khamis.

Johor rancang buka ladang kelapa 1,325 hektar

Iskandar Puteri: Kerajaan Johor merancang untuk membangunkan kawasan tanaman kelapa, termasuk benihnya, seluas 1,325 hektar menjelang 2027 bagi memenuhi keperluan negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip, berkata langkah membuka lebih banyak ladang serta benih tanaman itu akan turut mengekalkan Johor sebagai pengeluar utama kelapa negara.

Beliau berkata, Johor mengunturkan pengeluaran sebanyak 124,313 tan kelapa setahun melalui peluasan kawasan tanaman berkenaan di negeri ini.

"Selain pengeluar terbesar kelapa negara, Johor juga adalah pengeluar utama benih tanaman itu di Malaysia. Dianggarkan 53,000 benih kelapa diperlukan setahun, namun kemampuan pengeluarannya oleh Pusat Pertanian Jorak (Pusat Bekalan Benih Kelapa) ialah kira-kira 28,000 benih kelapa setahun.

"Sehubungan itu, Kerajaan Johor merancang untuk mempertingkatkan pengeluaran benih kelapa dengan memperkasakan lagi pusat pengeluaran benih kelapa seperti di Taman Pertanian Johor, Kong Kong, Masai, Parit Botak, Batu Pahat bawah kelolaan Jabatan Pertanian," katanya pada sidang Dewan

Undangan Negeri (DUN) Johor, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Jefridin Atan (BN-Kukup) mengenai inisiatif kerajaan negeri untuk membantu peladang meningkatkan semula penanaman pokok kelapa yang semakin berkurangan di Johor.

Hasil keluaran 118,278 tan

Mengulas lanjut, Zahari memaklumkan sebagai rekod, kawasan penanaman kelapa di negeri ini adalah sebesar 12,151 hektar menabitkan 9,888 pengusah dengan hasil keluaran 118,278 tan pada tahun lalu.

Beliau berkata, jumlah pengeluaran itu melebihi anggaran keperluan permintan kelapa di negeri ini, iaitu kira-kira 105,000 tan setahun.

"Bagaimanapun merujuk kepada kadar sara diri negara, iaitu dengan kadar 66.6 peratus, ia menunjukkan kekurangan kelapa yang sangat ketara di seluruh negara.

"Justeru, sebagai pengeluar utama kelapa negara, Johor menyasarkan pengeluaran kelapa yang lebih besar dari semasa ke semasa.

"Bagi menampung keperluan itu dan mengatasi

isu tanaman kelapa rosak, kekurangan nutrien, masalah iklim, serangan penyakit serta lain-lain masalah global, tambahan baharu kawasan penanaman dan penanaman semula kelapa dipertuak ialah sekitar 2,650 hektar," katanya.

Tahun ini, Zahari berkata, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM500,000 bagi program pemulihan dan penanaman semula kelapa di Johor memabitkan kawasan seluas 463 hektar.

Pada masa sama, katanya, Kerajaan Johor memabitkan RM400,000 untuk program pemulihan dan penanaman semula kelapa negeri memabitkan kawasan seluas 96 hektar.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan negeri menggalakkan permodalan tanah kerajaan untuk mengun-
sahkan tanah banyak bagi memperbanyakan hasil kebaruan bertenaan.

"Kelapa atallah antara tanaman utama di Johor, Portlana dan Muar, Lokasi baharu penanaman kelapa turut diwujudkan di Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KELORA) Kota Tinggi dan Projek Pertanian Moden Klauang," katanya.



Zahari Sarip

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/12/2022	KOSMO	NEGARA	14

Misi memenuhi keperluan negara menjelang tahun 2027

Johor pengeluar utama kelapa

**SIDANG
DUN
JOHOR**



Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**

ISKANDAR PUTERI – Kerajaan negeri merancang untuk membangunkan kawasan tanaman kelapa seluas 1,325 hektar dengan unjuran pengeluaran sebanyak 124,313 tan metrik menjelang tahun 2027.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, langkah itu bagi memenuhi keperluan kelapa negara dan mengekalkan Johor sebagai pengeluar utama tumbuhan tersebut.

"Johor merupakan pengeluar benih kelapa utama dalam negara, namun keperluan benih kelapa setahun dianggarkan sebanyak 53,000. Ia tidak mencukupi kerana kemampuan pengeluaran benih kelapa yang dikeluarkan Pusat Pertanian Jorak (Pusat Bekalan Benih Kelapa) adalah 28,000 setahun.

"Kerajaan Negeri merancang untuk meningkatkan pengeluaran dengan memperkasa pusat pengeluaran benih kelapa seperti di Taman Pertanian Johor, Kong Kong, Masai, Parit Botak Batu Pahat di bawah kelolaan



JOHOR merupakan pengeluar benih kelapa utama di negara ini. – GAMBAR HIASAN

Jabatan Pertanian," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri Johor di Kota Iskandar di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Jefridin Atan (**BN-Kukup**) berhubung inisiatif kerajaan negeri bagi membantu peladang dalam usaha meningkatkan kembali penanaman pokok kelapa yang semakin berkurangan di negeri ini.

Zahari yang juga ADUN Buloh Kasap memberitahu, untuk rekod, keluaran tanaman kelapa di Johor adalah seluas 12,151 hektar melibatkan seramai 9,898 pengusaha dengan hasil keluaran 118,278 tan metrik pada tahun

lalu.

Jelasnya, jumlah keluaran itu melebihi anggaran keperluan permintaan kelapa di Johor iaitu 105,000 tan metrik setahun.

Walau bagaimanapun, merujuk kepada kadar sara diri negara iaitu 66.6 peratus, ia menunjukkan kekurangan yang sangat ketara di seluruh negara.

"Justeru, sebagai pengeluar utama kelapa, Johor menyasarkan keluaran lebih besar dari masa ke masa, maka kerajaan negeri merancang memberi fokus kepada tanaman ini.

"Bagi menampung keperluan itu dan akibat tanaman rosak,

kekurangan nutrien, masalah iklim, diserang penyakit dan lain-lain masalah global, tambahan baharu kawasan dan tanaman semula kawasan kelapa yang diperlukan adalah seluas 2,650 hektar," kata beliau.

Pada tahun ini, kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM500,000 bagi program pemuliharaan dan tanam semula kelapa di Johor melibatkan kawasan seluas 463 hektar.

Pada masa sama, Johor memperuntukkan RM400,000 bagi program pemuliharaan dan tanam semula kelapa di kawasan seluas 96 hektar.

Bantu turunkan harga beras

Penghapusan monopoli terhadap keperluan asas tingkatan persaingan dalam kalangan syarikat pembekal

Dalam pada itu, Abdul Shukor berharap kerajaan dapat memberikan subsidi lebih tinggi kepada golongan pesawah dalam meningkatkan produktiviti terhadap pengeluaran sumber makanan utama itu.

"Jika sekiranya subsidi ini dalam RM360, mungkin selepas ini kerajaan boleh naikkan sehingga RM450.

"Kita tak nak nanti pesawah merungut tanam padi tak untung dan akhirnya mereka pun sudah tidak mahu tanam lagi," tambah beliau.

Sementara itu, Bernama melaporkan, isu monopoli industri beras tempatan dan import beras perlu dilihat dari perspektif kepentingan pesawah miskin dan bukannya dijadikan isu kaum.



ABDUL SHUKOR

daripada golongan B40.

"Bagi golongan pesawah, pasti mereka merasakan ada sinar daripada pengumuman Perdana Menteri itu kerana ada bantuan yang akan diberikan kepada mereka," katanya.

Berkongsi pandangan sama, Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin berkata, walaupun inisiatif Anwar itu bertujuan membalas nasib pesawah miskin, namun pada masa sama Bernama juga mempunyai tanggungjawab besar walaupun ia monopoli industri terbabit.

"Bila kita lihat dari segi keupayaan Bernama, syarikat ini mempunyai tanggungjawab yang tinggi kerana syarikat itu perlu membeli kesemua beras daripada pesawah, tidak kira dari segi cantik atau tak cantik. Walaupun harganya berbeza mengikut kualiti namun Bernama tetap mengambil tanggungjawab sama," katanya.

Najib Presiden Persatuan Perpaduan Sejahtera Kebangsaan, M Rathiakrishnan berkata, Kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menggesa Bernama membeli balik RM60 juta kepada pesawah miskin perlu dilihat dari sudut positif oleh semua pihak termasuk netizen di media sosial.

"Isu ini (monopoli import beras) adalah suara rakyat dan kami kebajikan pesawah. Bagi saya, netizen yang menjadikan Bernama ini sebagai isu perkauman adalah sangat tidak relevan," katanya.

Beliau berkata, inisiatif Anwar itu adalah bagi meringankan beban serta membalas nasib pesawah yang kebanyakannya

Oleh MOHAMAD AMREEL IMAN ABD MALEK SHAH ALAM

Penghapusan monopoli terhadap keperluan asas seperti beras berupaya membantu menurunkan harga barangan itu di pasaran.

Pakar Sekuriti Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Dr Abdul Shukor Juraimi berkata, ia juga dapat membenarkan banyak syarikat lain untuk turut serta merceburi dalam sektor pembekalannya.

Ujar beliau, dengan adanya persaingan dalam kalangan syarikat pembekal akan menyebabkan harga beras yang berpatutan kepada pengguna.

"Perkara ini dapat kita lihat jelas dalam sektor pembekalan beras import apabila terdapat beberapa pihak yang monopoli, jadi bila dihapuskan ia dapat memberi sedikit perubahan.

"Pengeluaran beras di negara kita sekarang pula kurang memuaskan kerana pada tahun 2021 kita hanya dapat menghasilkan sehingga 65 peratus dan selebihnya perlu bergantung kepada import," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.



Isu monopoli industri beras tempatan dan import beras perlu dilihat dari perspektif kepentingan pesawah miskin dan bukannya dijadikan isu kaum.

kualiti dan harganya lagi murah.

"Jadi belum tentu lagi syarikat baharu ini akan mengambil beras tempatan. Dari sini akan wujud ketidaksimbangan terhadap pesawah tempatan kita. Di sini Bernama melakukan perkara yang baik, syarikat itu tetap mengambil hasil pesawah tempatan, walaupun ia boleh sahaja mengambil beras import," katanya.

Beliau berkata, jika industri beras ini dibuka dan tidak di-monopoli, kebarangkalian pesawah tempatan yang mendapat hasil beras yang kurang berkualiti akan berdepan dengan penurunan hasil jualan.

Oleh itu, beliau menyarankan kepada kerajaan untuk mencari mekanisme baharu supaya ia dapat memberi situasi menang-menang kepada Bernama dan juga pesawah.

Sementara itu, Anwar sentiasa konsisten terhadap isu bagi membantu golongan pesawah, malah beliau pernah menyuarakan perkara tersebut pada Jajilap lepas di Dewan Rakyat dengan

membidas tindakan kerajaan melanjutkan tempoh konsesi Bernama selama 10 tahun bermula dari 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031.

Beliau dilaporkan berkata, lanjutan itu perlu dihentikan supaya peladang, petani dan pesawah padi mendapat manfaat langsung.

Anwar menegaskan, kerajaan perlu menghentikan monopoli import beras serta membatih keras dasar yang menguntungkan permodal dalam keadaan rakyat dan pesawah padi susah.

Pada sidang media Isnin lepas, Anwar berkata, kerajaan pimpinannya akan meneliti isu monopoli import beras yang dikuasai Syed Mokhtar serta meneliti keuntungan beliau yang membeli pegangan Bernama milik Tan Sri Tan Boon Sang dengan harga RM800 juta dan Datuk Seri Shahidan Kassim (RM400 juta).

Anwar berkata, Syed Mokhtar bersetuju memperuntukkan RM10 juta bulan ini dan RM50 juta tahun depan kepada pesawah miskin.

beras tempatan. Dari sini akan wujud ketidaksimbangan terhadap pesawah tempatan kita. Di sini Bernama melakukan perkara yang baik, syarikat itu tetap mengambil hasil pesawah tempatan, walaupun ia boleh sahaja mengambil beras import," katanya.

Beliau berkata, jika industri beras ini dibuka dan tidak di-monopoli, kebarangkalian pesawah tempatan yang mendapat hasil beras yang kurang berkualiti akan berdepan dengan penurunan hasil jualan.

Oleh itu, beliau menyarankan kepada kerajaan untuk mencari mekanisme baharu supaya ia dapat memberi situasi menang-menang kepada Bernama dan juga pesawah.

Sementara itu, Anwar sentiasa konsisten terhadap isu bagi membantu golongan pesawah, malah beliau pernah menyuarakan perkara tersebut pada Jajilap lepas di Dewan Rakyat dengan

Tanggungjawab Bernama

Tambahnya, Bernama turut mempunyai tanggungjawab dalam mengimbangi harga beras yang diimport ke negara ini mahupun beras tempatan.

"Seperti yang kita tahu, harga beras dari negara jiran dijual dengan harga lebih murah berbanding negara kita. Kalau katakana kerajaan buka pasaran industri beras (kepada syarikat lain), mungkin syarikat yang baharu ini akan mengambil inisiatif untuk mengimport beras dari negara jiran sebab ia lebih ber-

berbanding dengan harga beras tempatan. Dari sini akan wujud ketidaksimbangan terhadap pesawah tempatan kita. Di sini Bernama melakukan perkara yang baik, syarikat itu tetap mengambil hasil pesawah tempatan, walaupun ia boleh sahaja mengambil beras import," katanya.

Beliau berkata, jika industri beras ini dibuka dan tidak di-monopoli, kebarangkalian pesawah tempatan yang mendapat hasil beras yang kurang berkualiti akan berdepan dengan penurunan hasil jualan.

Oleh itu, beliau menyarankan kepada kerajaan untuk mencari mekanisme baharu supaya ia dapat memberi situasi menang-menang kepada Bernama dan juga pesawah.

Sementara itu, Anwar sentiasa konsisten terhadap isu bagi membantu golongan pesawah, malah beliau pernah menyuarakan perkara tersebut pada Jajilap lepas di Dewan Rakyat dengan